

01/06/2000

Tempahan model Perodua Kenari mula dibuka

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) membuka tempahan model terbarunya, Perodua Kenari di semua cawangan jualan serta laman web, e-shoppe syarikat itu bermula hari ini.

Walaupun model itu tidak dipamerkan di cawangan jualan Perodua, tetapi kepada yang mahu melihatnya boleh berbuat demikian di laman web e-shoppe di alamat www.perodua.com.my/Kenari.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab Rahman Omar, berkata Kenari adalah model lima pintu dengan reka bentuknya seakan sebuah kenderaan pelbagai guna mini (MPV).

Model baru itu mempunyai kuasa enjin 1.0 liter (1,000cc) 12 injap aci sesondol berkembar dengan suntikan minyak elektronik (EFI).

Beliau berkata, Kenari ditawarkan dalam tiga dalam variasi, iaitu model 1 liter EX dan 1 liter GX bagi transmisi manual lima kelajuan serta model EZ dengan transmisi automatik empat kelajuan.

"Ia ditawarkan pada harga yang berdaya saing iaitu antara RM37,000 hingga RM42,000 seunit," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan lelongan awam bagi model khas Kenari yang mula dibuka untuk tawaran hari ini sehingga 9 Jun.

Model keempat Perodua itu akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 14 Jun ini.

(END)